



TARIKH	JUMAAT, 27 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	'KABINET PERLU BINCANG SEMULA KEPUTUSAN JPA'
M/S	5
BIDANG	CIVIL SERVANT
KATA KUNCI	INCENTIVE ALLOWANCE, BIPK

## 'Kabinet perlu bincang semula keputusan JPA'

**Kuala Lumpur:** Keputusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memansuhkan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) harus dibincangkan semula oleh kerajaan dalam mesyuarat Kabinet pertama, tahun depan.

Demikian saranan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang berpandangan bahawa kerajaan harus mengambil kira keresahan dan kebimbangan disuarakan rakyat susulan keputusan itu.

"Saya mengikut dan mengambil maklum keputusan kerajaan menamatkan pemberian bayaran insentif perkhidmatan kritikal kepada doktor, jururawat, jurutera dan profesional lain yang menyertai perkhidmatan awam bermula tahun depan.

"Saya berpendapat perkara ini perlu dibincang semula oleh kerajaan pada sidang Kabinet per-

tama pada 2020.

"Kerajaan harus mengambil kira keresahan dan kebimbangan yang disuarakan rakyat. Menteri juga disyorkan menggunakan ruang Kabinet bagi menyatakan pandangan mereka," katanya dalam kenyataan, semalam.

JPA menerusi pekelilingnya bertarikh 20 Disember lalu mengumumkan bakal memansuhkan lapan elaun antaranya merangkumi BIPK, Bayaran Insentif Angkat Najis, Bayaran Insentif Menaip Jawi, Elaun Keraihan kepada Setiausaha Sulit dan Setiausaha Sulit Kanan, mulai tahun depan.

BIPK mula diperkenalkan ketika Sistem Saraan Baru (SSB) pada 1992 yang secara prinsipnya tahap kritikal sesuatu perkhidmatan akan berubah mengikut keadaan dan keperluan berdasarkan kepada penawaran dan permin-



taan sesuatu disiplin perkhidmatan dalam pasaran semasa.

Bagaimanapun, kajian terbaru pada tahun ini mendapati semua 33 skim perkhidmatan diperuntukkan dengan BIPK terkeluar daripada kriteria pemberian asal ke-

rana tidak lagi memenuhi ciri-ciri penawaran yang rendah dan kesukaran mengisi kekosongan jawatan.

Sementara itu, Pengerusi Biro Pekerja PKR merangkap bekas Pemangku Presiden Kongres Kesa-

tuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid, berkata kerajaan perlu ambil tindakan tegas terhadap menteri, Ahli Parlimen dan kakitangan kerajaan yang terbabit dengan rasuah, selain menghentikan amalan boros jika benar mahu mengurangkan perbelanjaan negara.

Sambil menyifatkan Kementerian Kesihatan 'syok sendiri' dalam melaksanakan pemansuhan BIPK, Abdullah yang juga Ahli Parlimen Kapar berkata, bayaran insentif itu dilaksanakan sejak sekian lama bagi menampung kos sara hidup golongan berkeenaan.

"Saya nasihatkan menteri-menteri supaya tidak membuat sesuatu perkara yang boleh menambah lagi beban dan sengsara, sebaliknya buatlah perkara yang memberi manfaat kepada rakyat," katanya semalam.

DISEDIAKAN OLEH

1-NASAAI BIN MASNGUT (N41), BPM  
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM  
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM